

OIC yakin Malaysia akan terus main peranan penting

UM 27 JUN 2002

KUALA LUMPUR 26 Jun — Anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yakin Malaysia akan terus memainkan peranan penting dalam pertubuhan itu walaupun akan berlaku perubahan pada pucuk pimpinan negara.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, walaupun terkejut dengan pengumuman Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk bersara, tetapi mereka yakin Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan meneruskan komitmen Malaysia.

“Pada mulanya mereka terasa kekosongan dan kemudiannya berasa lega kerana perubahan itu tidak berlaku secara mendadak, tetapi menerusi satu bentuk peralihan kuasa yang licin dan tersusun.

“Mereka yakin proses itu akan menjamin suara tegas dan berani serta peranan penting Malaysia akan ber-

terusan,” katanya ketika dihubungi di Khartoum, Sudan hari ini.

Beliau berada di negara Afrika itu untuk menghadiri Persidangan Menteri-menteri Luar OIC sesi ke-29 yang akan berakhir esok.

Syed Hamid berkata, sejak berita pengunduran Dr. Mahathir tersebar, beliau begitu sibuk melayani setiap negara anggota OIC yang ingin mengetahui secara lanjut tentang keadaan politik di Malaysia.

“Kebetulan saya berada di sini, maka saya jelaskan bahawa hasrat Perdana Menteri itu dibuat berasaskan alasan-alasannya sendiri dan keputusan itu tidak menjejaskan suasana stabil politik Malaysia.

“Saya juga memberi pengakuan bahawa pengun-

duran Dr. Mahathir itu tidak bererti beliau tidak akan menyumbang lagi kepada perjuangan OIC,” tegasnya.

Bagaimanapun, tegas Syed Hamid, pengunduran Dr. Mahathir itu tidak seharusnya disusuli dengan cadangan supaya beliau memimpin OIC pula.

Katanya, sebarang cadangan atau usul untuk melantik Perdana Menteri sebagai pemimpin utama OIC tidak wajar dibuat pada waktu ini.

“Kita tidak harus menambahkan lagi bebanan Dr. Mahathir yang perlu terus memimpin negara. Beliau harus dibiarkan dengan tugasnya sehingga masanya (untuk bersara) tiba,” katanya.